

Cabaran dan Dilema Pendekatan Pasca Positivisme Dalam Perancangan Bandar Pintar di Malaysia

JALALUDDIN ABDUL MALEK

ABSTRACT

It is generally acknowledged that urban and rural planning in Malaysia is hitherto still patterned on the positivist colonial methodology such as ‘surveys, analysis and plans’ as espoused by Petrick Geddes in the 1920s. This is evident in the historiography of urban and rural planning since the British colonial period in Malaya. The methodology of positivist planning which employs the ‘bottom-up’ approach continues to be based on colonial pragmatism. This trend was also evident in the colonial era, where the planning of towns was very much determined by the administration, hence making the people mere recipients of such planning. In order to continue the positivist approach and pragmatism of the government in the post-Independence period, a more systematic form of planning was introduced with the introduction of the Structural and Local Plans. Although both developmental plans were based on the concept of integrated planning under the Urban and Rural Planning Act 1976 (1972 Act), however development that ensued focussed more on the physical aspects with minimal emphasis on social requirements. The question remains, will the approach of positivism always be suitable for the planning needs of each era including planning for the intelligent city of today? This has to be taken into consideration in view of the fact that, the planning of intelligent cities is intertwined with the era of instantaneous speed, its demands and space, all of which impact the changes and unlimited needs of man in the proses of globalization. Do only material and physical values need to be taken into account? What of humanitarian aspects which involve both ethical, moral and aesthetical values in planning? In addressing this problem, the work here discusses the post-positivism approach espoused by the Frankfurt School which argues for a value-added positivist method in the planning of intelligent cities in Malaysia.

PENGENALAN

Dalam menuju era pasca moden banyak kritikan dan kelemahan perancangan khususnya perancangan dari atas yang lebih cenderung menguna pakai metod dan epistemologi positivisme. Kertas kerja ini cuba memberi nilai tambah kepada metod positivisme dalam perancangan bandar khususnya bandar pintar. Sehubungan itu, sebagai nilai tambah tersebut perbincangan ini memperlihatkan kelebihan penggunaan metod dan epistemologi pasca positivisme kepada perancangan bandar pintar dan perancangan bandar amnya.

Jika dilihat kepada penyediaan perancangan bandar sedia ada, proses penyertaan awam hanya dibuat diperingkat setelah laporan pemeriksaan dan draf rancangan dibuat. Pendekatan perancangan sebegini lebih teknokratik dan birokratik iaitu terlalu bergantung kepada peranan negara, struktur dan institusi masyarakat. Manakala peranan sosial aktor yang berbagai-bagai masih diabaikan. Walaupun pembangunan fizikal telah menyentuh semua sektor ekonomi, tetapi ianya kurang memberi tumpuan kepada pembangunan bangsa mengikut kategori sosial yang berbeza. Konsep perancangan menyeluruh (*integrated planning*) seperti rancangan struktur dan rancangan tempatan sebagai contohnya kurang mengambil kira kepentingan kelompok sosial, etnografi dan kelompok kecil yang berbeza-beza. Pendekatan yang paling mudah oleh dua rancangan pembangunan tadi ialah menyama ratakan kelas sosial masyarakat serta dianalisis untuk kesimpulan umum. Kelemahan metod ini jelas kelihatan kerana persoalan subjektif kurang diambil kira tetapi hanya memberi keutamaan kepada persoalan objektif (Popper 1979).

Begitu juga dalam membicarakan persoalan perancangan bandar pintar, dua pihak yang berperanan iaitu pihak struktur dan pihak agensi memang tidak boleh dipisahkan. Namun begitu, pertembungan di antara peranan pihak struktur dan pihak agensi tetap ada bila menyentuh persoalan metodologi perancangan bandar pintar. Perbezaan peranan struktur dan peranan agensi cukup jelas kelihatan bila pendekatan positivisme lebih memperlihatkan peranan mutlak pihak pemerintah (struktur) untuk merancang dan membangunkan bandar pintar. Sementara, pendekatan pasca positivisme lebih memberi peluang kepada penduduk (agensi) untuk menyertai sama dalam proses perancangan bandar pintar. Ini bermakna, petunjuk perancangan tidak hanya boleh dihurai oleh pengalaman dengan kaedah sains iaitu dengan uji kaji makmal semata-mata seperti metod positivisme. Sebaliknya, petunjuk perancangan boleh juga ditemui daripada pengungkapan fenomena sosial seperti melalui berwacana, catatan sejarah dan penggunaan bahasa atau dialek yang bersifat pasca positivisme (Reevany Bustami, Eleesya Nasruddin & Norman Blakie 2006).

SEJARAH PENDEKATAN POSITIVISME PERANCANGAN BANDAR DI MALAYSIA

Dari segi sejarahnya sumber ilmu perancangan bandar di Malaysia banyak didominasi oleh sumber ilmu kolonial yang banyak menggunakan pendekatan positivisme. Bermula di era modeniti kolonial iaitu era revolusi perindustrian, sejarah perancangan bandar di Malaysia bersumberkan ilmu perancangan bandar yang wujud pada abad ke 19 di England (Goh Ban Lee 1991). Kesan daripada revolusi perindustrian tersebut menyebabkan keadaan ruangan bandar-bandar di England terutama di wilayah tenggaranya menjadi tidak teratur. Ini disebabkan pertumbuhan kilang-kilang dan pembinaan tempat tinggal dilakukan secara tidak tersusun. Keadaan yang tidak tersusun itu telah menyebabkan pengkritik sosial seperti Howard (1965) melahirkan idea melalui penulisan *Garden City* sebagai alternatif untuk memperbaiki keadaan perbandaran waktu itu. Kemudiannya disusuli pula laporan oleh Raymond Unwin yang bertajuk *Town Planning in Practice: An Introduction to the Art of Designing Cities and Suburbs 1909* sebagai garis panduan awal merancang bandar (Dalam Greese 1967). Begitu juga, kedua-dua dokumen tadi merupakan sebagai penyelesaian awal untuk kawalan perancangan pembangunan secara *ad-hoc* di zaman revolusi perindustrian. Setelah menyedari perlu ada penguatkuasaan perancangan dan kawalan pembangunan barulah wujud undang-undang seperti Housing, Town Planning Etc. Act. 1909 yang menjadi akta pertama kepada kawalan perancangan bandar ketika itu.

Ini bermakna pada peringkat awal perancangan bandar, pendekatan idealistik dan perundangan (*top-down*) sebagai sumber metodologi perancangan telahpun digunakan. Tentunya sedia maklum pendekatan ini lebih mengutamakan pencapaian matlamat dan objektif pembangunan pihak pemerintah. Sebab itu, pemahaman perancangan bersifat objektif ini sangat terkenal lebih-lebih lagi telah dipelopori metod positivisme ini oleh Sir Petrick Geddes (1968). Beliau adalah di antara individu yang mula-mula memperkenalkan konsep Survey – Analysis – Plan (SAP) dalam perancangan bandar. Seperti mana yang difahami SAP merupakan pendekatan yang lebih bersifat empirikal iaitu berdasarkan pengalaman yang berlaku di tapak. Perkara ini tidaklah menghairankan kerana Sir Petrick Geddes juga merupakan seorang ahli sains yang meminati bidang biologi dan alam sekitar. Sebagai seorang yang berlatar belakangkan biologis dan environmentalis tentunya beliau lebih menekankan kepada pemikiran dan pendekatan positivisme.

Kemudian usaha-usaha mengembangkan pendekatan positivisme dalam perancangan bandar telah di bawa ke Malaya sewaktu zaman kolonial di bawah pemerintahan British. Lantikan Charles Compton Reade sebagai penasihat perancangan bandar kepada Government of Federated Malay States

pada Februari 1921 telah bermulanya pendekatan positivisme perancangan bandar di Malaya. Ini kerana beliau sendiri sebelumnya merupakan setiausaha kepada The Garden Cities and Town Planning Association yang merealisasikan idea konsep 'Garden City' Ebenezer Howard. Satu daripada jasa Reade ialah merangka Town Planning Enactment 1923 sebagai asas perancangan bandar yang komprehensif di Malaya. Enakmen ini sebenarnya hasil tiru (*copy*) daripada enakmen di England termasuk daripada negara Eropah yang lain serta Amerika Syarikat. Antara kesan daripada kelahiran enakmen tersebut ialah wujudnya Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) di Malaysia setelah pasca merdeka.

Kesan daripada perkembangan pendekatan positivisme dalam perancangan bandar di Malaya, maka terhasillah beberapa pemahaman mengenai perancangan bandar. Kesan pertama, lahir pemahaman mengenai perancangan pembangunan yang menggunakan Pelan Sistematis. Pelan Sistematis ini telah memandu jururancang membuat perancangan secara sistematis dan bukannya *ad-hoc*. Plan ini juga dilindungi oleh akta dan enakmen terutama bila jururancang menyediakan pelan rekabentuk pembangunan ataupun subjek plan (Faludi 1973). Ini bermakna, semua garis panduan perancangan yang dihasilkan perlu diikuti terutama bila merekabentuk plan susunatur. Kesan kedua, lahir sistem perancangan bersepadu (Integrated planning) sebagai contohnya penggunaan Pelan Interim sebagai mekanisme sementara perancangan bandar. Pelan Interim merupakan pelan sementara sebelum penyediaan rancangan struktur dan rancangan tempatan, tetapi tidak disandarkan kepada undang-undang yang jelas (Ratcliffe 1981). Pada akhirnya pelan ini hanya tinggal pelan dan tidak pula dilaksanakan. Kesan ketiga, wujud pula Pelan Pembangunan Komprehensif yang bersifat 'blue print' seperti rancangan struktur dan rancangan tempatan di bawah peruntukan Akta Perancangan Bandar Desa (Akta 172) dan Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171). Namun begitu, dilema yang lain pula timbul bila penyediaannya memakan masa yang agak lama dan kos yang terlibat pula tinggi. Lebih malang lagi tidak semua strategi pelan pembangunan tadi dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). Ini kerana pihak PBT adalah agensi di bawah kerajaan negeri, dan tidak semua negeri mengguna pakai keseluruhan bahagian dan seksyen di bawah Akta 171 dan Akta 172.

Kesan keempat ilmu kolonial ialah penggunaan pelan-pelan dan kerja ukur termasuk pelan gunatanah (*zoning*) serta pelan bangunan. Kesannya lahir rekabentuk rumah teres dan rumah pangsa yang bukaan keluasan binaannya tidak sesuai dengan kehidupan manusia. Bagaimana keluarga di bandar sebagai contoh yang begitu ramai ahlinya boleh mendiami flat dua bilik atau rumah teres yang berukuran keluasan 60 kaki X 18 kaki. Begitu juga kesan kelima, kedai teres, rumah teres yang pada asalnya mengguna bahan binaan

berasaskan kayu dan atap nipah telah beralih kepada penggunaan bahan binaan daripada batu-bata. Namun begitu kos pembinaannya semakin meningkat dan harga rumah kedai menjadi tinggi. Pada akhirnya pola pemilikan rumah kedai antara kaum dan etnik tidak seimbang kerana faktor harga yang tinggi dan tidak berkemampuan memilikinya. Kesan keenam ialah lahirnya konsep mengindah, kepentingan estetika serta pemeliharaan dan pemuliharaan bahan sejarah tempatan. Kewujudan unit landskap dan taman, zoo, muzium serta taman tema sebagai contohnya telah menjadi sumber komersial dan pendapatan kepada PBT.

Ketujuh, menjalankan kajian demi kajian untuk mengumpulkan maklumat terperinci setiap 5-10 tahun sekali. Data daripada banci ini bukan sahaja maklumat mengenai kehidupan sosial masyarakat tetapi juga tentang alam sekitar fizikal masyarakat berkenaan. Maklumat tersebut pula diterjemah dalam bentuk peta dan geran tanah yang memberi gambaran fizikal tetapi kurang menjelaskan sifat dan makna sosialnya. Ertinya pada tahap ini pendekatan positivisme begitu nyata sekali. Ini kerana sumber maklumat perancangan sangat berpandu kepada perangkaan dan pelan yang ada hasil kerja-kerja bancian penduduk lima atau 10 tahun sekali. Sedangkan sumber maklumat perancangan tadi lebih bersifat maklumat permukaan, bukannya maklumat yang boleh memberi makna kategori sosial yang lebih subjektif (Shamsul 2002 dan Shamsul 2000).

Kelapan, wujudnya sistem pentadbiran kerajaan tempatan yang dikatakan 'demokratik' mengikut sistem pentadbiran di England. Tetapi pada hakikatnya tiada pilihan raya dijalankan bagi memilih ahli majlis PBT. Sebahagian mereka dilantik atas dasar platform politik, badan NGOs dan ahli profesional yang sealign dengan parti pemerintah (Goh Ban Lee 2002). Jika Dewan Undangan Negeri kawasan PBT dikuasai oleh pihak pembangkang, ADUN atau wakilnya tidak pula dilantik sebagai ahli majlis. Ini bermakna persoalan sejauh mana pandangan pihak awam daripada pelbagai pihak boleh diambil kira masih lagi dianggap sebagai perkara yang sukar untuk dilaksana oleh pihak pemerintah.

Ekoran kesan ilmu kolonial di atas, telah menunjukkan bahawa metod positivisme sangat berpengaruh dalam dunia perancangan bandar di Malaysia. Oleh sebab itu tidak menghairankan bila tindakan perancangan bandar kini bersifat kurang mengambil kira pandangan awam apa bila membuat perancangan pembangunan. Kerangka metodologi pemahaman dan metod penelitiannya lebih kepada metod induktif iaitu berdasar kepada pengalaman di kawasan yang hendak dirancang serta berpandu kepada maklumat yang dibuat secara kesimpulan umum. Ukuran yang digunakan juga telah ditentukan nilai sivilnya oleh pihak pemerintah serta bersifat homogeniti. Sedangkan fenomena sosio-ekonomi di bandar lebih bersifat subjektif terutama melibatkan kajian etnik dan etnisitinya. Ini bermakna metod perancangan positivisme lebih menghasilkan kerangka perancangan yang bersifat instrumentalisme dan pragmatik (Khakee

1998). Begitu juga pendekatan perancangan fizikal negara di bawah DEB (1971-1990), DPN (1991-2000), DPW (2001-2010) masih lagi mengikut cara positivisme (Jadual 1).

Begitu juga seperti di Jadual 1, di peringkat makro kenyataan dasar, wawasan, matlamat dan strategi pembangunan negara banyak menurut pemahaman positivisme. Sementara di peringkat mikro pula, penyediaan laporan kebenaran merancang kurang juga mengambil kira pandangan sosial kategori. Laporan penilaian kesan alam sekitar dan laporan kesan sosial seperti termaktub di bawah Sek. 21A(1A) dan Sek.22 Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172) misalnya masih mengguna maklumat kesimpulan secara umum. Terdapat juga jururancang perunding mengguna data sekunder yang telah ketinggalan zaman dan amat bertentangan dengan etika metod positivisme itu sendiri. Apa lagi jika dibincang dari sudut kuasa merancang, PBT tidak lagi diberi kuasa merancang rancangan pembangunan dan ini tentunya memberi kesan kepada keberkesanan pembangunan itu sendiri. Walaupun terdapat peruntukan seranta dan penyertaan awam di bawah Akta 172 semasa proses penyediaan rancangan pembangunan, tetapi sejauh mana komen dan pandangan pihak awam tadi diambil kira masih lagi dipersoalkan (Abdul Munit Kasmin 1999).

Jika dibincang dari sudut kehendak dan tuntutan kemajuan, pada hakikatnya kurang sesuai hanya mengguna metod positivisme dalam perancangan bandar. Terutama bila merujuk kepada prinsip perancangan bandar iaitu pada prinsipnya merancang pembangunan untuk masa hadapan khususnya kepada penduduk. Lebih-lebih lagi dalam keadaan dunia sekarang yang sedang menuju era pasca moden, tentulah soal kefahaman mengenai kehidupan pembangunan amnya dan masyarakat khususnya jauh berbeza berbanding di zaman era moden (Ratcliffe, Krawczyk & Kelly 2006). Kita bimbang dengan bergantung kepada pendekatan positivisme semata-mata, tindakan merancang bandar di Malaysia hanya akan meniru kesilapan perancangan bandar di negara kolonial. Sepatutnya pendekatan yang lebih inovatif perlu ada supaya kita tidak menerima bulat-bulat teori dari barat tanpa kritikan dan pengubahsuaian mengikut keadaan masa dan tempat. Penulis tidak pula beranggapan bahawa mengguna metod positivisme semata-mata boleh menyimpang jauh menggambarkan keadaan realiti yang ada. Namun begitu, metod ini perlu ada nilai tambah supaya kita tidak menjadi seorang yang bertindak sebagai kolonial kepada penduduk yang hendak dirancang (Smith 1999). Bertindak sebagai kolonial bermaksud menegakkan nilai-nilai kita sendiri sebagai jururancang, tetapi kurang mengambil kira nilai dan kehendak pembangunan orang yang dirancang. Walau bagaimanapun, metod positivisme tidak juga boleh diketepikan dalam arena merancang bandar. Cuma perlu ada artikulasi dengan metod-metod yang lain khususnya artikulasi dengan metod pasca positivisme.

Jadual 1: Instrumen Perancangan Bandar Khususnya Perancangan Fizikal Negara


Bersifat Sivil		"Kategori sosial"
1970an-1990an	2000an	
Dasar Pembangunan Nasional (DEB dan DPN)	Dasar Pembangunan Wawasan (DPW)	Mengambil kira secara "minimum" seperti termaktub dalam Akta 172 di Sek. 12A dan Sek. 13, seranta awam di peringkat negeri, daerah dan PBT. Dalam era 1970an dan 1990an seranta hanya di peringkat daerah dan PBT.
Rancangan Malaysia (RM1-RM7)	Rancangan Malaysia (RM8)	
Rancangan Kemajuan Wilayah	Rancangan Fizikal Negara	
Rancangan Negeri (Pelan Pembangunan Negeri)	Rancangan Struktur Negeri – Pengarah JPBD Negeri berkuasa merancang di luar kawasan PBT	
Pelan Pembangunan Daerah cth. Buku Merah UPEN – Pelan Induk Daerah - Pelan Tindakan Mukim	Rancangan Tempatan Daerah	
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) - Rancangan Struktur - Rancangan Tempatan - Interim Pelan	Pihak Berkuasa Tempatan - Tiada kuasa merancang - Meluluskan kebenaran merancang dikawasan masing-masing	
+ Permohonan kebenaran merancang ++ Penilaian Kesan Alam Sekitar - menggunakan kaedah positivisme	+ Permohonan kebenaran merancang ++ Penilaian Kesan Alam Sekitar +++ Penilaian Kesan Sosial – kekal menggunakan kaedah positivisme	Bagi projek melibatkan penduduk 10,000 orang dan lebih atau kawasan 100 hektar dan lebih.

Sumber: Malaysia 2002a, Malaysia 2002b, JPBD 2002a, JPBD 2002b.

Kesan peluasan penggunaan metod postivisme dalam perancangan bandar, terdapat pembahagian corak pemikiran perancang bandar yang menurut bidang dan kecenderungan masing-masing. Berdasarkan Rajah 1, terdapat ahli pembangunan yang berfikiran rasional dan juga berfikiran perspektif. Manakala metod pendekatan perancangan masing-masing ada yang bersifat klasik iaitu mengambil kira nilai sivil dan ada yang bersifat romantis iaitu mengambil kira nilai kategori sosial. Kebiasaannya golongan yang bersifat romantis dianggap sebagai golongan inovatif dan reformer yang inginkan perubahan, dan suara mereka dianggap bertentangan dengan nilai sivil tadi. Mereka tidak popular dan kurang diberi tempat sewajarnya memperkenalkan metod perancangan yang inovatif seperti metod pasca positivisme dalam perancangan pembangunan

fizikal. Keadaan ini banyak dipengaruhi oleh perbezaan matlamat pembangunan itu sendiri yang mana kepentingan pihak pemerintah (*authority defined*) lebih menekankan pembangunan yang dapat dinikmati oleh semua rakyat. Sementara pembida pembangunan pula mahu mendapat keuntungan yang maksimum. Tetapi di pihak awam (*everyday defined*) mereka lebih menekankan berapa banyak faedah yang boleh di perolehi kepada diri, keluarga dan masyarakat.

Rajah 1 : Corak Pemikiran Perancang Bandar



Sumber: Diubah suai daripada Udy 1994.

Walau apa pun jenis pemikiran perancang bandar seperti di Rajah 1, metod perancangan yang popular mereka guna masih menggunakan metod positivisme. Ini kerana disebabkan oleh tabiat kebiasaan serta majoriti mereka terdidik berdasarkan penggunaan metod positivisme sejak awal lagi. Biarpun begitu, sudah ada usaha sejak akhir-akhir ini memperluaskan bentuk pendekatan perancangan khususnya memperkenalkan pendekatan pasca positivisme dalam perancangan bandar (Allmendinger 2002).

PENDEKATAN POSITIVISME DAN NILAI TAMBAH PASCA POSITIVISME PERANCANGAN BANDAR ERA PASCA MODEN

Sebagaimana yang difahami metod positivisme lebih melihat kepada peranan dan fungsi struktur sebagai penggerak kepada tindakan perancangan bandar. Sebaliknya aliran pasca strukturalis moden mengkritik peranan utama pihak struktur dan institusi dalam pembangunan. Aliran pasca strukturalis melihat bila terlalu bergantung kepada kuasa pihak pemerintah dalam perancangan pembangunan ianya boleh mengancam demokrasi pembangunan itu sendiri (Healey & Barrett 1990). Begitu juga tokoh perancangan yang berminat dengan idealisme pasca moden seperti Harvey (2001) dan Allmendinger (2001), mereka melihat perancangan bandar era moden perlu dinilai tambah supaya sesuai dengan perancangan pembangunan bandar di era pasca moden. Mereka juga mencadangkan pendekatan perancangan bandar perlu melihat sejauh mana ianya boleh mengambil kira pelbagai kategori sosial penduduk yang hendak dirancang. Sehubungan itu, Harvey dan Allmendinger telah mengenal pasti bahawa terdapat beberapa kelebihan pendekatan perancangan bandar era pasca moden sebagai nilai tambah kepada perancangan bandar era moden.

Kedua-duanya melihat perancangan bandar era moden lebih memberi perhatian kepada persoalan objektif yang ditentukan arah tuju oleh pihak pemerintah dan negara. Sedangkan perancangan bandar era pasca moden lebih menekankan kepada persoalan pokok yang subjektif iaitu sejauh mana kehendak suara pihak awam diambil kira terutama menurut etnografi dan etnisiti penduduk bandar. Sehubungan itu juga, ukuran skala ekonomi era moden lebih melihat kepada hirarki antara kumpulan kelas atau etnik yang diberi ukuran mengikut piawai yang ditentukan oleh negara. Sementara di era pasca moden lebih melihat kepada ukuran perbezaan sosial dalaman masyarakat yang kompleks dan tidak semestinya menurut piawai yang ditentukan oleh negara tadi. Begitu juga dalam menentukan kemajuan ekonomi di era moden kuasa negara dianggap sangat penting. Namun begitu di era pasca moden, di samping kuasa negara kuasa pihak awam juga turut mempengaruhi kemajuan ekonomi sesebuah negara. Begitu juga era moden melihat sistem pentadbiran lebih bercorak demokrasi bagi mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap. Walau bagaimanapun di era pasca moden proses penyertaan demokrasi pentadbiran sangat diutamakan iaitu untuk menegakkan prinsip ketelusan dan sistem kawal selia yang cekap.

Begitu juga perbezaan dalam konteks pembandaran era moden dengan pembandaran yang berasaskan bandar pintar di era pasca moden. Pembandaran era moden lebih menumpukan kepada sistem pentadbiran pemusatan kuasa dan berhirarki, manakala pembandaran pintar di era pasca moden lebih mengguna pakai sistem pentadbiran tersebar dan horizontal. Penggunaan

teknologi ICT dalam pentadbiran kerajaan seperti pelaksanaan sistem kerajaan elektronik membolehkan sebarang permohonan tidak perlu lagi mengikut kaedah manual tetapi boleh dibuat melalui komputer. Ini bermakna pembedaan era moden terikat dengan persoalan utopia seperti merancang ruang persekitaran manusia yang mapan. Sementara pembedaan bandar pintar di era pasca moden sudah jauh menyentuh persoalan heterotopias iaitu bukan hanya merancang ruang persekitaran manusia, tetapi termasuk juga ruang siber yang tidak dapat dijangkau oleh akal seperti kewujudan sistem kerajaan elektronik dalam pentadbiran bandar (Hine 2000 & Shields 2003). Semuanya ini menjadi cabaran kepada perancangan bandar yang akan berhadapan dengan fenomena subjektif dan kompleks dalam pembangunan. Ini tentunya tidak lagi sesuai bila hanya bergantung kepada metod pemahaman positivisme semata-mata.

Turutan dari nilai tambah pemikiran perancangan bandar era pasca moden, perancangan bandar masa akan datang memerlukan suatu pandangan berlainan daripada pemahaman sebelum ini. Penggabungan antara peranan struktur, institusi dan agensi (sosial aktor) sangat penting dalam memahami intipati pembangunan. Peranan ahli profesional seperti perancang bandar sangat dituntut untuk memahami nilai yang berbeza dari pelbagai kumpulan dan kelompok dalam merancang pembangunan. Kemahiran melihat hubungan di antara isu perancangan di peringkat makro, meso dan mikro merupakan satu tindakan yang cemerlang terutama bila menghadapi masyarakat di era pasca moden kini. Justeru, nilai tambah pendekatan positivisme perlu ada khususnya turut mengguna metod pasca positivisme dalam perancangan pembangunan.

Menyentuh nilai tambah kepada metod positivisme, tokoh pasca positivisme seperti Habermas (1985) telah melihat peranan struktur, institusi dan agensi dalam perancangan bandar. Beliau melihat betapa pentingnya berkomunikasi di antara pihak struktur, institusi dan agensi dalam proses perancangan pembangunan. Begitu juga Foucault melihat kepada kuasa (*power*) serta ilmu pengetahuan boleh mencorakkan perubahan pembangunan sosial dan ianya tidak hanya bergantung kepada kuasa pihak struktur sahaja. Kuasa dan ilmu pengetahuan tersebut juga boleh dikuasai oleh individu dan masyarakat iaitu di pihak agensi tadi (Foucault 1972 dan Foucault 1979). Daripada kedua-dua pendapat sarjana tadi bermakna aliran pemikiran pembangunan era pasca positivisme lebih terbuka pendekatan pemahamannya berbanding aliran pemikiran era positivisme.

Begitu juga, metod positivisme sangat berlandaskan perancangan pembangunan berdasar kepada penemuan keadaan semasa, sementara metod pemahaman pasca positivisme tidak menolak bukti semasa tetapi juga mengambil perkara rasional yang tidak dapat dibuktikan melalui pancaindera dan pengalaman. Oleh sebab itu seni penghujahan pembangunan positivisme lebih cenderung kepada penjelasan pembuktian dan ramalan yang dialami secara

objektif. Manakala seni penghujahan pasca positivisme lebih melihat disebalik perkara objektif iaitu melihat juga perkara subjektif dalam memahami isu-isu pembangunan yang terlibat. Sementara itu, asas kepercayaan petunjuk pembangunan positivisme sangat bersifat kesimpulan umum dan di homogenis. Manakala asas kepercayaan pasca positivisme tentang petunjuk pembangunan lebih melihat kepada kepelbagaian dan perbezaan dalam pembangunan tersebut. Dalam memahami kesan pembangunan, metod positivisme bersandarkan maklumat kuantitatif dan kualitatif yang telah ditentukan nilainya. Sementara itu, metod pasca positivisme bukan sahaja bersandarkan maklumat kuantitatif dan kualitatif tetapi termasuk juga realisme, rasionaliti dan interpretif. Ertinya pasca positivisme boleh memahami kesan pembangunan sehingga kepada aspek emosi, budaya, pemikiran dan psikologi termasuk hubungan antara sistem-sistem dalam kelompok sosial manusia.

Mengenai darjah kebenaran (truth) dan varian dalam penemuan pembangunan, positivisme banyak bergantung sejauh mana kecekapan atau kesilapan oleh pengkaji, penyelidik dan pemerhati dalam melakukan kajian lapangan. Tetapi pasca positivisme boleh meningkatkan darjah kebenaran tersebut dengan mengurangkan varian penemuan pembangunan. Ini kerana semua kaedah penyelidikan diambil kira serta tidak hanya bergantung kepada kajian lapangan semata-mata. Oleh sebab itu mempelbagaikan kaedah mengkaji pembangunan sentiasa diamal dalam metod pasca positivisme. Antara kepelbagaian metod pasca positivisme ialah turut mengkaji aspek hermenutik dan aspek huristik (Berg 1998). Hermenutik bermaksud kajian interpretasi atau tindakan untuk mencari pengertian di sebalik apa yang berlaku kepada manusia. Kajian menggunakan teks merupakan antara alat yang digunakan iaitu mengkaji daripada catatan sejarah, manuskrip, fail, autobiografi dan juga biografi. Huristik bertujuan untuk membongkar sesuatu pengalaman manusia dengan cara merenungi secara mendalam melalui dialog dan komunikasi dengan responden. Melalui aspek huristik ini perancang pembangunan percaya bahawa pengertian mendalam tentang sesuatu pengalaman hidup masyarakat itu akan terbit daripada perasaan, persepsi, kepercayaan dan juga sistem nilai yang berbeza-beza.

PENDEKATAN PASCA POSITIVISME DALAM PERANCANGAN BANDAR PINTAR


Sebelum membincangkan pendekatan pasca positivisme, perlu dijelaskan apakah yang dimaksudkan perancangan bandar pintar. Perancangan bandar pintar merupakan perancangan bandar yang mengutamakan aplikasi ICT dalam pembangunannya. Perancangan kemudahan ICT tersebut bertujuan untuk menyatupadukan sistem rangkaian hubungan komunikasi antara penduduk

bandar dengan kawasan lain. Ertinya bandar pintar mengandungi infrastruktur maklumat untuk mempromosi, memperolehi dan menyatu padu aliran maklumat antara orang ramai (Mohamed Arif Nun & Jalaluddin Abdul Malek 1995). Namun begitu, kewujudan bandar pintar di era pasca moden menyebabkan tumpuan perancangan bandar tidak hanya mengutamakan aspek fizikal semata-mata. Keutamaan perancangannya juga merujuk kepada perancangan aspek sosial penduduk yang sudah tentu tidak hanya bergantung kepada kesimpulan umum berasaskan pendekatan positivisme tetapi mengkaji fenomena sosial yang berasaskan pendekatan pasca positivisme (Graham & Marvin 2001). Sehubungan itu dalam membincangkan pendekatan pasca positivisme sebagai nilai tambah kepada pendekatan positivisme perancangan bandar pintar, ianya boleh dilihat perbezaannya dari dua sudut perbincangan. Perbincangan pertama dari sudut pendekatan pemahaman dan perbincangan kedua dari sudut pendekatan perancangan.

i. Pendekatan pemahaman

Sebelum membincangkan pendekatan pemahaman positivisme dan pasca positivisme, persoalan epistemologi 'bandar pintar' perlu difahami dahulu. Oleh itu timbul persoalan ; Apakah yang dikatakan bandar pintar ? Bagaimanakah yang dikatakan pintarnya bandar pintar itu ? Apakah ukuran kepintarannya ? Berdasarkan pengalaman penulis 'bandar pintar' yang difahami oleh kebanyakan kajian ketika ini lebih melihat kepada ukuran objektif. Iaitu melihat di tahap mana kecanggihan infrastruktur dan infostruktur ICT yang menjadi asas pembangunan bandar pintar tersebut. Namun begitu, persoalan subjektif seperti soal-soal yang berkait dengan kehidupan kualiti hidup dan taraf hidup keseluruhan masyarakat bandar pintar masih kurang dibincang ketika artikel ini ditulis. Sedangkan pembangunan bandar pintar seharusnya difahami dari semua aspek. Iaitu bukan sahaja merujuk kepada kelengkapan ICT tetapi juga melihat sejauh mana ICT membangun kualiti hidup yang tinggi kepada manusia. Walaupun ICT adalah alat berkomunikasi tetapi pada realitinya ia juga memberi kesan terhadap kesejahteraan, keselesaan dan keamanan kepada individu dan masyarakat. Ini bermakna formula kemajuan bandar pintar bersamaan = f (kesejahteraan + mapan + kualiti hidup + cukup lengkap + berdikari + ...n++). Berdasar formula tersebut, bagi mencapai kemajuan sehingga n++ ukuran kemajuan bandar pintar tidak hanya melihat pencapaian dari sudut kebendaan tetapi turut mengambil kira kemajuan manusia yang mendiaminya.

Ini kerana pembangunan bandar pintar tidak mungkin boleh meninggalkan pembangunan masyarakat seperti pembangunan masyarakat global bermaklumat (MGB). Apa bila menyentuh persoalan pembangunan MGB sudah tentu melibatkan perkara objektif seperti penyediaan infrastruktur serta



perkara subjektif iaitu sejauh mana kesan ICT kepada pembangunan MGB. Ini bermakna pintarnya pembangunan bandar pintar itu boleh dilihat dari sudut yang pelbagai. Persoalan untuk mewujudkan kawal selia bandar pintar yang baik sebagai contohnya telah melibatkan berbagai aspek pembangunan. Antara keperluan aspek pembangunannya ialah memerlukan sistem pentadbiran yang telus, sistem pengawal selia yang cekap dan beretika, sistem perancangan yang demokratik, sistem perkhidmatan yang efisien, masyarakat sivil, penyayang, bertimbang rasa, masyarakat madani, persekitaran yang berestetika, bandarnya efisien, mapan serta sistem kawalan bandar yang berteknologi terkini dan cekap.

Untuk mencapai hasrat 'pintar' tadi, pendekatan pasca positivisme perancangan bandar pintar sentiasa berbagai dan ini mempengaruhi terhadap metod pemahaman pembangunannya. Ini kerana sumber ilmu perancangan pasca positivisme tidak menolak sumber ilmu yang lain seperti ilmu wahyu, rasionaliti, empirikal, interpretif dan sebagainya. Namun begitu ilmu wahyu merupakan sumber ilmu yang utama yang mengatasi pemahaman pasca positivisme tadi kerana ia merupakan sumber ilmu utama mengatasi sumber ilmu yang lain. Ilmu wahyu tetap menjadi sumber ukuran kebenaran kepada ilmu pasca positivisme, rasionaliti, empirikal, interpretif dan sebagainya. Oleh sebab itu ilmu wahyu turut menggalak kegiatan mencari ilmu melalui penyelidikan, berwacana, percambahan fikiran dan berdiskusi seperti kaedah ilmu mantik (Ab. Latif b. Muda & Rosmawati bt. Ali 1997). Namun begitu, ianya hendaklah tidak berlawanan dengan hukum syarak iaitu menjaga hubungan dengan Allah (Pencipta) serta menjaga hubungan dengan manusia.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini pemahaman pasca positivisme tidak menolak sumber-sumber ilmu yang lain termasuk pemahaman positivisme dalam perancangan bandar pintar. Merujuk kepada Garispanduan Perancangan dan Pembangunan Sejangat oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD 1997) misalnya turut mengambil sumber ilmu wahyu sebagai panduan perancangan bandar pintar. Konsep menjaga hubungan manusia dengan Penciptanya sangat diberi keutamaan. Tugas manusia sebagai khalifah ialah menjaga alam ini seperti mana yang diamanahkan oleh Tuhan. Kemudian mereka perlu menjaga pula hubungan antara manusia dengan manusia yang lain. Iaitu mengajak manusia lain melakukan perkara kebaikan yang berfaedah untuk kehidupan manusia itu sendiri. Kemudian manusia juga perlu menjaga hubungan manusia dengan persekitarannya termasuk hubungan dengan makhluk hidup dan makhluk bukan hidup. Namun begitu tafsiran sumber ilmu wahyu dalam pemahaman pasca positivisme perlu berhati-hati lebih-lebih lagi jika elimen sekular lebih mempengaruhi dalam segala tindakan perancangan bandar pintar. Oleh sebab itu, sekali lagi ditegaskan ilmu wahyu tetap mengatasi ilmu pasca positivisme dalam memahami perancangan dan pembangunan bandar pintar.


Selain itu pasca positivisme juga turut mengambil kira sumber ilmu konformisme. Perancangan berkomunikasi (berdialog) misalnya merupakan gabungan antara pendekatan berkomunikasi dengan pendekatan normatif masyarakat setempat. Begitu juga konsep perancangan terkini yang dikenali perancangan usaha sama yang menggabungkan penggunaan teori dan aplikasinya. Ini bermakna konsep atau teori tadi yang bersifat subjektif dapat diaplikasikan supaya lebih objektif. Pembangunan MGB di bandar pintar memang perkara subjektif dan untuk memastikan (*confirm*) sama ada sesuatu masyarakat itu telah MGB atau tidak metod pemahaman pasca positivisme boleh digunakan. Ini kerana metod pemahaman pasca positivisme turut mengiktiraf pencarian maklumat dari sumber individu dan kumpulan kecil seperti melalui dialog, perbincangan, perbahasan, penceritaan atau pensejarahan, sesi percambahan fikiran dan transformasi maklumat melalui ICT. Ini bermakna pasca positivisme mengiktiraf kuasa (*power*) di peringkat bawahan dalam input perancangan yang bukan hanya dijadikan objek yang dirancang tetapi turut juga merancang. Dalam hal ini soal-soal tersurat dan tersirat turut diambil kira termasuk analisis makna bahasa penyampaian yang boleh diterjemah melalui makna linguistik dan makna sosialnya. Makna linguistik bergantung kepada gaya dan lengkok bahasa penyampaian seperti bernada 'perbezaan', bernada 'kesamaan' atau bernada 'puas hati' dan 'tidak puas hati' (Nathesan 2001). Sementara makna sosial dirujuk kepada gaya bercakap, gaya berpakaian, aksi dan perbuatan yang spontan yang memberi makna tertentu hasil pengamatan para pengkaji.

Pasca positivisme juga mengiktiraf sumber ilmu Intuisionisme iaitu dari ilham dan idea pemikiran terbaik yang dihasilkan oleh individu dari golongan cendekiawan yang dihormati. Sumber ilmu Intuisionisme ini boleh terhasil sama ada melalui idea oleh individu, ahli profesional dan kumpulan kecil (minoriti). Kebiasaannya idealisme dan teori yang dihasilkan mendukung aspek kepelbagaian dan subjektiviti yang multi dan intra disiplin merangkumi sains sosial, sains tulen dan sains gunaan. Kepelbagaian ilmu pengetahuan tadi diambil kira dalam perancangan bandar pintar seperti mana Kurokawa (1997) yang merancang KLIA berdasarkan teori simbiosis. Teori simbiosis bermaksud 'duduk bersama' untuk melahirkan keharmonian ruangan bandar yang menggabungkan binaan buatan manusia, alam semulajadi dan ICT. Teori simbiosis daripada idea Kurokawa ini berjaya menjangkau persoalan objektif dan subjektif bila mana diaplikasikan kepada pembangunan KLIA berdasarkan konsep *eco-media city*.

Begitu juga pemahaman pasca positivisme turut mengiktiraf sumber ilmu positivisme seperti hujah empirikal dan pengalaman di kawasan kajian. Ianya dapat menyeimbangkan antara hujah akal dan hujah pengalaman di lapangan kajian. Metod pemahaman cara ini diakui sendiri oleh Healey (1997)

sebagai satu cara membawa diri individu menjadi seorang yang berilmu tulen kerana dapat membezakan mana yang benar dan mana yang salah dengan berpandukan kepada kedua-dua hujah tadi. Pemahaman ini sangat berkaitan dengan metod pemahaman ilmu oleh Aristotle melalui teori *mode of persuasion* (Hodge 2000) dan asas ilmu pengetahuan Islam (Safi 1998) seperti Rajah 2. Berdasarkan Rajah 2, perkara objektif dan subjektif diambil kira dalam pemikiran pembangunan pasca positivisme dengan mengambil kira nilai sivil dan nilai kategori sosial. Kelahiran pemikiran pasca positivisme ini ialah hasil kesefahaman pemikiran yang tidak menolak positivisme dan mengiktiraf kepelbagaian makna dalam pembangunan. Konsep saling berhubungan komunikasi antara perancang (pelaksana) dengan orang yang dirancang (penerima) telah menghasilkan kefahaman mengenai perkara holistik, aplikasi sains, institusi sosial, nilai dan perkaitan sosial yang berbeza serta pembuktian yang jitu dapat diterima oleh pelbagai pihak *stakeholders* pembangunan. Namun begitu ilmu wahyu tetap menjadi rujukan utama bagi menentukan kebenaran.

Rajah 2: Pola Pemikiran Pencerahan Ilmu (enlightenment) Pasca Positivisme



Sumber: diubahsuai daripada Safi 1998 dan Hodge 2000

Seterusnya, pasca positivisme juga mengambil kira ilmu berdasarkan sumber pemikiran atau rasionalisme. Rasionalisme merupakan sumber ilmu yang subjektif dan agak kritis dalam memahami erti pembangunan. Pemahamannya juga kadang kala menggabungkan diri dengan pemahaman empirikal. Analisis SWOT sebagai contohnya merupakan analisis rasionalisme mengenai kekuatan (Strengths), kelemahan (Weakness), peluang (Opportunities) dan ancaman (Threats). Berdasarkan analisis SWOT untuk pembangunan bandar pintar seperti di Rajah 3 didapati dalam kekuatan terdapat kelemahan dan

dalam kelemahan terdapat pula kekuatan. Seperti mana di Rajah 3 sebagai contohnya; Dalam Kekuatan terdapat pula peluang seperti “Ada komputer di rumah tetapi turut mengambil peluang menghadiri kursus IT dan pengurusan maklumat di luar”; Dalam kelemahan terdapat pula peluang seperti “Tiada komputer tetapi mengguna komputer di kafe siber”; Dalam kekuatan terdapat pula ancaman seperti “Dengan adanya komputer dan kemudahan internet ada juga virus sebagai ancaman”; Dalam kelemahan terdapat pula ancaman seperti “Tidak terdapat kemudahan komputer di rumah dan dalam waktu yang sama tidak celik ICT ‘. Ini bermakna secara rasionalnya analisis SWOT mengiktiraf penemuan perkara subjektif seperti mana contoh Rajah 3 di bawah. Apa bila timbul persoalan yang subjektif seperti itu maka timbul persoalan-persoalan lain yang memandu kepada arah pemahaman pasca positivisme. Khususnya perancangan bandar pintar turut mempertimbang sesuatu isu dengan lebih luas berbanding mengguna kaedah pemahaman positivisme.

Rajah 3 : Metrik Analisis Rasional SWOT

	Peluang	Ancaman
Kekuatan	Dalam kekuatan ada peluang. Manakala peluang adalah kekuatan	Dalam kekuatan ada ancaman. Ancaman boleh menafikan peluang dan mengurangkan kekuatan
Kelemahan	Dalam kelemahan ada peluang. Peluang dapat mengurangkan kelemahan dan ikatan ancaman	Kelemahan merupakan ancaman. Ancaman yang berterusan meningkatkan lagi kelemahan.

Sumber: diubahsuai daripada Hussey 1985.

Sehubungan itu berdasarkan pemahaman pasca positivisme dari sudut rasionaliti, banyak persoalan subjektif dapat ditimbulkan dalam pembangunan bandar pintar. Persoalan yang boleh ditimbulkan sebagai contohnya; Bagaimanakah jika individu itu hanya menguasai maklumat picisan dan tidak berkualiti? Bagaimanakah hendak membuktikan individu itu membeli VCD cetak rompak? Bagaimanakah hendak membuktikan individu itu terlibat dengan

jenayah komputer atau jenayah siber ? Semua persoalan tadi mempunyai jawapan rasionalnya sendiri kerana tidak terikat dengan jawapan berbentuk objektif.

Sebagai kesimpulan, jika kajian hanya menggunakan epistemologi positivisme dalam perancangan bagaimana penemuan sebenar boleh ditimbulkan? Mengguna metod analisis empirik semata-mata agak mustahil untuk menemui perkara sebenar kajian. Ini disebabkan tiada kemungkinan satu kajian itu tidak menyentuh soal-soal seperti moral, etika, pemikiran dan psikologi yang tentunya sukar diramal dan sukar dibuktikan. Dengan disusuli pendekatan pemahaman pasca positivisme seperti kaedah berdialog, temu bual, perbincangan, penceritaan, pensejarahan dan sebagainya ia menjadi nilai tambah kepada ketepatan analisis fenomena sosial pembangunan bandar pintar.

Justeru, pasca positivisme mempunyai pelbagai kaedah kajian tentang pembangunan khususnya pembangunan bandar pintar sebagai nilai tambah kepada pendekatan positivisme. Antara metodologi kajian pasca positivisme untuk pembangunan bandar pintar boleh dirujuk kepada contoh-contoh dan penjelasan di bawah (Sartono Kartodirdjo 1993, Mackay, Maples & Reynolds 2001 dan Arbaiyah Mohd Noor 2002).

- **Semiotics** iaitu bagaimana pembinaan makna timbul daripada langgam bahasa, prosa, puisi, dialek.
- **Sign** (tanda) seperti timbang tara berdasarkan tanda atau simbol semasa seperti artifak, peralatan dan teknologi.
- **Signifier** seperti kombinasi surat, grafik, suara – teknologi ISDN – B-ISDN.
- **Signified** iaitu tanda-tanda sejarah yang lalu seperti pensejarahan penggunaan komputer dan kesannya kepada sosial serta kemanusiaan.
- **Rujukan** (referent) seperti objek sebenar, idea atau pelakuan yang menjadi tanda rujukan.
- **Denotation** yakni denotatif iaitu penerangan atau penjelasan yang mudah tetapi kesan pelbagai makna dan tujuan-makna yang tersirat dan yang tersurat.
- **Connotation** yakni konotatif nama/dialek/ atau perbuatan yang memberi makna kesengsaraan atau kegembiraan.

- **Genre** iaitu satira kesusasteraan, filem yang mencakupi plot, kelakuan (aksi), corak musik, layar kehidupan dan sebagainya.
- **Discourse** (wacana) iaitu persembahan semula arkeologi pengetahuan, di mana asal pengetahuan dan pensejarahannya termasuk petunjuk artifak, termasuk penggunaan bahasa, dialek yang mempengaruhi dunia pengeluaran (production) serta penawaran, pertentangan (oppositionism) dan kepenggunaan harian.
- **Subjektiviti** perkara-perkara pluralistik, pelbagai, heterotopia, heterogenous, hypermedia, hyper-reality dan kepelbagaian yang lain.
- **Sejarah dan pensejarahan** seperti teks sejarah, biografi, arkib, akeologi dan catatan di atas batu, gua dan sebagainya.

Semua metodologi diatas jika diguna secara bersepadu serta sesuai dengan keperluan kajian ia dapat meningkatkan kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) terhadap penemuan kajian. Ini bermakna metod pasca positivisme di atas membawa kepada proses *enlightenment* yang dapat menemukan kebenaran sesuatu teori pembangunan. Dalam pada itu ianya juga dapat mengurangkan kesilapan (*varians*) antara kebenaran teori dan juga realiti.

ii. Pendekatan Perancangan bandar

Merujuk kepada pendekatan perancangan bandar, pendekatan positivisme sebagai contohnya mengguna pendekatan perancangan yang komprehensif (*comprehensive planning*) (Branch 1985). Manakala pendekatan pasca positivisme sebagai contohnya mengguna pendekatan perancangan usaha sama (*collaborative planning*) (Tewdwr-Jones & Allmendinger 2002). Penjelasan perbezaan di antara perancangan yang komprehensif dengan perancangan usaha sama akan dibincangkan selepas ini.

a. Perancangan komprehensif (Positivisme)

Pada umumnya perancangan komprehensif lebih menumpukan kajian di peringkat struktur dan institusi serta kurang memberi penumpuan kepada peringkat aktor atau agensi. Justeru, dari segi metodologi pemahaman pembangunannya lebih melihat kepada polarisasi, corak kependudukan dan aturan guna ruang secara makro. Epistemologinya berpandukan positivisme yang merujuk kepada ukuran pencapaian sosio-ekonomi, sosio-politik dan sosio-budaya yang telah ditentukan nilai ukurannya oleh kehendak pemerintah. Ini bermakna dari segi ontologinya perancangan komprehensif hanya memberi kesimpulan umum

kepada fenomena sosial. Sehubungan itu sifat dan penekanan perancangan komprehensif adalah seperti berikut:-

- Anti kebolehbinaan iaitu berdasarkan matlamat dan objektif yang telah ditetapkan.
- Perancangan prosedur-menggunakan prosedur tertentu seperti manual perancangan (asas daripada survey analisis dan plan) –top-down approach.
- Ada peruntukkan akta seperti Akta 172 dan Akta 171 di bawah penyediaan Rancangan Pemajuan (Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Daerah).
- Dalam bentuk mengeluarkan polisi dan tindakan.
- Seranta dan penyertaan awam iaitu di peringkat laporan pemeriksaan dan Draf Rancangan Pemajuan.
- Metod penyediaan analisis secara empirikal, pemantauan menggunakan data sekunder, logik berdasarkan realiti iaitu berdasar kepada apa yang berlaku pada masa kini dan difokuskan kepada masa hadapan.
- Bergantung kepada pendapat komuniti yang merancang (Jawatankuasa) -keputusan mutlak berdasarkan fakta dan angka yang diperakui oleh Jawatankuasa Perancangan.
- Lebih mengatur penggunaan ruang fizikal yang digambarkan dalam bentuk carta, graf dan sisipan plan gunatanah.
- Lebih bersifat homogeniti dan mengutamakan kepentingan majoriti.
- Menunjuk arah objektif. Perkara subjek dan dampak subjektif mengikut lingkungan bidang masing-masing.
- Kajian kesan sosial (SIA) boleh menggunakan data sekunder.
- lebih menyentu perkara makro dan meso.
- Bersifat perwakilan umum.

b. Perancangan Usaha Sama (Pasca Positivisme)

Secara umumnya perancangan usaha sama lebih menumpukan kajian di peringkat agensi atau aktor menurut kategori sosial yang berbeza. Justeru, dari segi metodologi pemahaman pembangunannya lebih melihat kepada corak biografi, ethnografi dan identiti kelompok atau individu secara lebih khusus (mikro). Epistemologinya berpandukan pasca positivisme yang merujuk kepada ukuran perubahan sikap, pemikiran, budaya, gaya hidup aktor atau agensi yang mempunyai berbagai matlamat dan nilai. Manakala dari aspek ontologi perancangan usaha sama lebih menumpukan kepada kepentingan sosial individu dan kelompok sosial yang lebih terfokus. Sehubungan itu sifat dan penekanan perancangan usaha sama adalah seperti berikut:-

- Kebolehbinaan matlamat dan objektif perancangan sebagai panduan dan boleh dikembangkan.
- Penyertaan, wacana, saling berhubungan dengan golongan yang merancang dan dirancang-top-down dan bottom-up approach.
- Melihat kepentingan dan hubungan antara struktur, institusi dan kategori sosial.
- Demokratik dan mementingkan penyertaan yang proaktif dari orang yang dirancang.
- Pertimbangan menyeluruh kepada semua pihak iaitu pihak majoriti dan minoriti.
- Pemahaman kepada aspek objektif dan juga aspek subjektif.
- Lebih fleksibel dan luwes.
- Lebih mikro dan kajian kes.
- Mengguna metod yang pelbagai seperti secara wacana, perundingan, kajian pensejarahan, kajian persanakan dan sebagainya.
- Penemuan analisis yang berbeza dan pelbagai serta terperinci.
- Dapat melihat perkaitan perkara yang kompleks dan tidak kompleks.

- Menemui rasionaliti dan realiti.
- Proses pencerahan ilmu (Enlightenment) berdasarkan sumber holistik, generalisasi dan aplikasi ilmu saintifik.
- Lebih bersifat heterogeniti.
- Kesepaduan ilmu dan bidang pengetahuan.


Faedah dan kebaikan perancangan usaha sama boleh dilihat berdasar pengalaman pembangunan Bandar Kumi City iaitu 'Silicon Valley' bagi Korea Selatan (LOGODEF 2002). Bandar ini terletak di bahagian tenggara Kyongsambuk-do yang mempunyai jumlah penduduk seramai 350,000 orang. Sistem pentadbiran bandar ini merupakan contoh kepada sistem pentadbiran tempatan yang berdikari. Sistem pentadbirannya lebih terbuka dan telus dengan menggalakkan penyertaan penduduk dalam pembangunan bandar. Antaranya menyediakan; sistem kad pintar untuk memudahkan urusan harian kepada penduduk, sistem aduan awam berkomputer dan menubuhkan jawatan kuasa penduduk. Penduduknya juga diberi peluang secara sukarela menilai keberkesanan sistem pentadbiran pihak berkuasa tempatan. Sukarelawan yang memberi pandangan dan kritikan yang terbaik demi menaikkan kualiti pentadbiran telah diberi penghargaan. Untuk mendapatkan maklumat mengenai keberkesanan pembangunan dan pentadbiran sesi dialog dan perbincangan dengan pihak awam sentiasa diadakan dan disediakan juga bilik gerakan yang khas.

Manakala pengalaman di peringkat tempatan boleh dilihat kepada sistem perancangan 'Smart City' Subang Jaya yang membangunkan projek e-komuniti serta sistem perancangan Bandar Pintar Putrajaya dengan pembangunan MGB. Adakah kedua-duanya bersifat perancangan komprehensif atau perancangan usaha sama? Berdasarkan pemerhatian penulis di antara tahun 2001-2003, didapati falsafah perancangan bandar pintar di Putrajaya dan Subang Jaya memang terdapat perbezaan (Jadual 2). Hasil kajian mendapati falsafah perancangan bandar pintar Putrajaya masih terikat dengan metod perancangan komprehensif kerana pembangunannya merupakan projek nasional. Ini bermakna perancangan secara 'top-down' oleh pihak pemerintah yang bersifat positivisme masih diutamakan demi memastikan Putrajaya benar-benar menjadi bandar pintar. Oleh sebab itu fasa pertama pembangunan Putrajaya lebih mengutamakan pembangunan infrastruktur berbanding dengan pembangunan masyarakat. Keadaan ini berbeza dengan Subang Jaya iaitu dengan slogan 'Kota Niaga Kediaman Idaman' sistem perancangannya lebih menuju kepada metod perancangan usaha sama seperti mana pembangunan projek e-Komuniti.

Projek e-komuniti di Subang Jaya sangat mengutamakan penglibatan semua penduduk dalam pembangunan. Ketika kajian ini dibuat memang sudah terdapat unit kejiwaan yang berdikari sebagai contohnya USJ18 dalam konteks pembangunan e-Komuniti mereka.

Jadual 2: Perbezaan sistem perancangan antara Perbadanan Putrajaya dan MPSJ

Falsafah	Perbadanan Putrajaya	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
Epistemologi	Positivisme Pembangunan infrastruktur dan kemajuan fizikal Penjagaan alam sekitar	Pasca positivisme Perubahan sikap dan budaya pemikiran penduduk Penjagaan alam sekitar
Ontologi	Pembangunan kelas sosial khususnya kakitangan kerajaan dan etnik Melayu, Cina, India Pembangunan identiti masyarakat yang instrumentalisme secara 'top-down'	Pembangunan agensi dan kelompok kecil dari pelbagai etnik iaitu Melayu, Cina, India yang pelbagai kepentingan sosial. Pembangunan identiti masyarakat penyertaan yang konstruktif iaitu secara 'bottom-up'
Metodologi	Empirikal dan kuantitatif Pendekatan struktural dan institusi (partisan) Pelan pembangunan fizikal bandar pintar yang jelas Belum ada pelan pembangunan khusus MCB Masih dalam proses mengenal jiran kerana terdapat kakitangan kerajaan yang baru berpindah ke Putrajaya	Empirikal dan Kualitatif Pendekatan dialog Virtual komunikatif Partisan dan non-partisan (NCOs) Pelan pembangunan khusus E-Komuniti (SJ 2005). Tidak jelas pelan pembangunan fizikal <i>smart city</i> Proses peningkatan sosial dan persekitaran mengikut zon penduduk yang sedia ada
Aksiologi	Utilitarianisme -hasil akhir -proses mampan dan kelengkapan utiliti	Non-utilitarianisme dan benuai universalisme. -hasil sama rata dan seimbang -proses mampan dengan cekap mengurus



CABARAN PENGGUNAAN PENDEKATAN PASCA POSITIVISME DALAM PERANCANGAN BANDAR PINTAR PUTRAJAYA DAN 'SMART CITY' SUBANG JAYA

Berdasarkan hasil kajian seperti di Jadual 2, didapati pembangunan bandar pintar Putrajaya dan Subang Jaya tidak terkecuali akan menghadapi pelbagai cabaran bila menggunakan pendekatan pasca positivisme. Cabaran yang paling utama ialah bagaimana mahu menghasilkan satu kajian yang mempunyai kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) yang jitu bila membuat kajian di kedua-dua bandar tersebut. Lebih-lebih lagi bila kajian nanti menggabungkan dua kaedah kajian iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif menggunakan alat kajian seperti soal selidik, manakala kaedah kualitatif menjalankan kajian secara temu bual, pemerhatian dan kadang kala memerlukan penyertaan bersama untuk mendapat maklumat yang tepat daripada responden. Persoalannya untuk menggabungkan maklumat daripada kedua-dua kaedah ini agak sulit untuk disatukan. Ini kerana pandangan dan tafsiran daripada pihak struktur, institusi dan agensi di Putrajaya dan Subang Jaya berbeza-beza mengenai penerimaan pembangunan bandar pintar.

Cabaran yang lain ialah berkait rapat dengan persoalan individu yang mempunyai tafsiran nilai maklumat objektif dan subjektif yang berbeagai-bagai. Sedangkan pendekatan pasca positivisme mengiktiraf nilai maklumat objektif dan subjektif. Maklumat objektif lebih jelas menggambarkan arah tuju pembangunan bandar pintar dan mudah dinilai kebenarannya. Manakala maklumat subjektif agak susah untuk memahami arah tuju pembangunan bandar pintar dan untuk menilai kebenarannya agak sukar. Justeru, sebagai usaha menimbulkan kebenaran maklumat tadi ia bergantung kepada kebijaksanaan profesionalisme jururancang dan kejujuran responden yang memberi maklumat. Hal ini sangat bergantung kepada sifat seperti jujur, amanah, ikhlas, telus dan lapang hati daripada ahli profesional pembangunan yang merancang dan juga orang yang dirancang (Hendler 1995, Malaysia 1996 dan Tewdwr-Jones 2002). Jika tiada sifat seperti di atas, ia akan mencatatkan penggunaan pendekatan pemahaman pasca positivisme begitu juga pendekatan perancangan usaha sama.

Penggunaan pendekatan pasca positivisme juga turut memberi cabaran kepada etika profesionalisme jururancang di sektor kerajaan dan juga jururancang di sektor swasta. Dua kelompok ini mempunyai nilai etika dan pandangan yang berbeza dalam melihat makna perancangan dan pembangunan. Kebiasaannya jururancang di sektor kerajaan lebih terikat dengan makna nilai sivil yang objektif yang telah ditentukan oleh pihak pemerintah. Nilai sivil seperti sifat amanah, bertanggungjawab, berilmu, wisdom, demokratik, profesional, berwibawa, cekap, bersih, amanah, mesra, mahir berkomunikasi, kebenaran,

pemikiran kritis, rasional, berlapang hati, berlapang dada, budiman, dinamik, inovatif dan kreatif telah menjadi dasar utama tugas profesional mereka. Namun begitu, bila merujuk kepada nilai etika kelompok jururancang profesional di sektor swasta terdapat pula perbezaan dan lebih bebas nilai. Nilai etika mereka lebih bersifat subjektif iaitu kadang kala mereka terpaksa tunduk kepada kehendak semasa yang bersifat mengejar keuntungan. Suasana bebas nilai ini terpaksa mereka hadapi demi menjaga kepentingan pelanggan; terikat dengan motif untuk kemajuan syarikat; berhadapan dengan fenomena rasuah dan saingan yang tidak sihat; mengejar masa supaya menjimatkan kos dan gunatena; menghadapi prosedur yang ketat; menghadapi keadaan yang tidak menentu seperti pertimbangan di antara kepentingan pelanggan dan kepentingan pemerintah; menghadapi fenomena hubungan kuasa (power relations) yang kompleks; serta untuk mendapat keuntungan yang maksimum. Semua etika tadi mempengaruhi perbezaan cara jururancang kerajaan dan swasta melakukan perancangan dan pembangunan sebagai perundingan kepada pelanggan mereka.

Cabaran yang seterusnya, bagaimanakah pula faktor kos, persekitaran pentadbiran dan sumber manusia apa bila mengguna pendekatan pasca positivisme dalam menjayakan pembangunan bandar pintar? Perkara ini juga mempunyai nilai-nilai yang berbeza antara governan awam dan governan swasta. Governan awam sebagai contohnya pihak PBT mahukan pihak swasta yang mendapat kontrak pembangunan perlu melaksana projek mengikut urus tadbir yang betul. Pihak swasta perlu mengikut peruntukan kos dan masa yang mencukupi; ikut prosedur dan pengurusan projek yang betul; mengikut matlamat yang telah dirancang; mahukan sistem organisasi yang cekap; mengambil kira kepentingan semua pihak; serta kemajuan projek yang berjalan lancar. Sementara governan swasta seperti pemaju atau syarikat yang memperolehi kontrak pembangunan terpaksa menghadapi suasana nilai yang berbeza. Adakalanya mereka menghadapi masalah kos projek yang tidak mencukupi; modal pusingan kecil; bayaran balik modal yang lambat; kerenah birokrasi agensi kerajaan; kehendak keuntungan yang maksimum; menghadapi prosedur yang menyusahkan; kurang sumber manusia; menghadapi fenomena kos luar jangka yang tidak terkawal seperti kenaikan harga barang; serta faktor perubahan cuaca dan bencana alam yang melambatkan penyiapan projek.

Cabaran yang berikutnya ialah menghadapi kelompok masyarakat dan individu yang dirancang berbeza dari sudut biografi dan kehendak mereka. Dalam bab empat Dasar Pembangunan Wawasan (2001-2010) sebagai contohnya mempunyai matlamat yang objektif iaitu mahu membina sebuah masyarakat yang bersatu padu dan saksama melalui pembangunan termasuk pembangunan bandar pintar. Matlamat ini juga telah diterjemah kepada mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan (knowledge society) di bandar pintar seperti

dalam Rancangan Malaysia Kelapan – RM8 (2001-2005). Berdasarkan matlamat mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan ini ia boleh dianggap sebagai sebuah masyarakat yang utopia. Maksudnya, masyarakat yang bersifat lapang hati, sukarela, jujur dalam banyak perkara, berani berkata benar, amanah dan sebagainya. Namun begitu pada realitinya masyarakat itu sendiri sangat berbeza nilai kategori sosial mereka. Masyarakat yang ada sangat berbeza dan sukar dibaca kelompok sosialnya, psikologi, cara berfikir dan nilai kehidupan mereka berlainan di antara isirumah. Terdapat mereka yang bersifat prejudis dan enggan bekerjasama serta mementingkan 'status quo' dan 'privacy' masing-masing. Justeru, dengan keadaan masyarakat yang sebegini ia memberi cabaran yang besar bila mengguna pendekatan pasca positivisme. Terutama sewaktu membuat kajian lapangan di Putrajaya dan Subang Jaya. Perkara yang paling mencabar ialah terdapat sesetengah responden enggan memberi kerjasama atau memberi maklumat kajian kerana mereka mempunyai hak dan pendirian yang berbeza-beza.

KESIMPULAN

Dalam merancang bandar pintar era pasca moden seharusnya menggunakan pendekatan positivisme semata-mata tidak lah begitu lengkap. Ada baiknya ditambah nilai dengan pendekatan pasca positivisme untuk memperkembangkan proses perancangan itu sendiri. Kebaikan nilai tambah yang dicadang sekurang-kurangnya boleh menjadi petunjuk perancangan bahawa rancangan pemajuan telah mengambil kira peranan pihak agensi di samping peranan pihak pemerintah. Namun begitu, seperti difahami pemakaian pendekatan pasca positivisme juga perlu berhati-hati. Ini kerana jika pandangan semua pihak awam perlu diambil kira, ukuran yang mutlak untuk keputusan perancangan bandar pintar sukar ditentukan. Sehubungan itu, proses perancangan dari atas ke bawah (top down) dan perancangan dari bawah ke atas (bottom up) perlu ada supaya perancangan bandar pintar yang mengguna pendekatan pasca positivisme akan menjadi lebih mantap.

RUJUKAN

- Ab. Latif b. Muda & Rosmawati bt. Ali. 1997. *Pengantar ilmu mantik*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Abdul Munit Kasmin. 1999. *Kerangka pelaksanaan Dasar Rancangan Struktur*. Shah Alam: Unit Penswastaaan, Pejabat Setiusaha Kerajaan Negeri Selangor.
- Allmendinger, P. 2001. *Planning in postmodern times*. London: Routledge.
- Allmendinger, P. 2002. Towards a post-positivist typology of planning theory. *Planning Theory*, Vol. 1(1): 77-99.
- Allmendinger, P. & Tewdwr-Jones, M. 2002. Conclusion: Communicative planning, collaborative planning and the post-positivist planning theory. Dlm. Allmendinger, P. & Tewdwr-Jones, M. (pnyt.). 2002. *Planning futures: New directions for planning theory*, hlm. 206-216. London: Routledge.
- Arbai'yah Mohd Noor. 2002. *Ilmu sejarah dan pensejarahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Berg, B. L. 1998. *Qualitative research methods for the social sciences* (3rd edition). Boston: Allyn & Bacon.
- Branch, M. C. 1985. *Comprehensive city planning: Introduction and explanation*. Chicago: The Planners Press of the American Planning Association.
- Craig, W. J. 1998. The internet aids community participation in the planning process. *Computer, Environment and Urban Systems*. Vol. 22 (4): 393-404.
- Dear, M. J. 2000. *The Postmodern urban condition*. Oxford, UK: Blackwell.
- Faludi, A. 1973. *Planning theory*. Oxford: Pergamon Press.
- Fainstein, S. S. & Campbell, S. (pnyt.). 1996. *Reading in urban theory*. Oxford, UK: Blackwell.
- Foucault, M. 1972. *The archeology of knowledge*. London: Tavistok.
- Foucault, M. 1979. *Discipline and punishment*. New York: Vintage.
- Geddes, P. 1968. *Cities in evolution: An introduction to the town planning movement and the study of civics*. London: Ernest Benn.
- Goh Ban Lee. 1991. *Urban planning in Malaysia: History, assumption and issues*. Petaling Jaya, Selangor: Tempo Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Goh Ban Lee. 2002. *Non-Compliance: A neglected agenda in urban governance*. UTM Johor Bahru, Malaysia: Institute Sultan Iskandar of Urban Habitat and Highrise.
- Graham, S. & Marvin, S. 2001. *Splintering urbanism: Networked infrastructures, technological mobilities and the urban condition*. London: Routledge.
- Habermas, J. 1985. *The theory of communicative action: Reason and the rationalization of society*. Boston USA: Beacon Press.

- Hartoko, D. (pnyt.). 1981. *Golongan cendekiawan, mereka yang berumah di angin, sesebuah bungarampai*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Harvey, D. 2001. The condition of postmodernity. Dlm. Seidman, S. & Alexander, J. C. *The new social theory reader*, hlm. 176-183. London: Routledge.
- Healey, P. 1997. *Collaborative planning: Shaping places in fragmented societies*. London: McMillan.
- Healey, P. & Barrett, S. M. 1990. Structure and agency in land and property development process. *Urban Studies*, Vol. 37(1): 89-104.
- Hendler, S. (pnyt.). 1995. *Planning ethics: A reader in planning theory practice and education*. New Jersey: Center for Urban Policy Research New Brunswick.
- Hine, C. 2000. *Virtual ethnography*. London: Sage.
- Hodge, S. 2000. *Global smarts: The art of communicating and deal making anywhere in the world*. New York: John Wiley & Sons.
- Hussey, D. E. 1985. *Corporate planning: Essential guides to management*. Kuala Lumpur: Federal Publications.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD). 1997. *Garis panduan perancangan dan pembangunan sejagat (Garis Panduan Perancangan JPBD 22/97)*. Kuala Lumpur: JPBD & Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD). 2002a. *Manual Rancangan Struktur Negeri (Edisi kedua)*. Kuala Lumpur: JPBD & Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD). 2002b. *Manual penyediaan Rancangan Tempatan (pindaan 2002)*. Kuala Lumpur: JPBD & Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Jensen, O. B. 1997. Discourse analysis and socio-spatial transformation processes: A theoretical framework for analysing spatial planning. Electronic Working Paper No. 28. School of Architecture, Planning & Landscape, Global Urban Research Unit (GURU), University of Newcastle upon Tyne.
- Khakee, A. 1998. Evaluation and planning: inseperable concepts. *Town Planning Review*, Vol. 69(4): 359-374.
- Kurokawa, K. 1997. *Each one a hero: The philosophy of symbiosis*. Tokyo: Kodansha International.
- Laurini, R. Editorial: Groupware for urban planning. *Computer, Environment and Urban Systems*. Vol. 22 (4): 315-316.
- Local Government Development Foundation (LOGODEF). 2002. East and Southeast Asia network for better local governments: Profiles of networks members. www.logodef.com.ph. 18 September.
- Mackay, H. , Maples, W. & Reynolds, P. 2001. *Investigating the information society*. London: Routledge.

- Malaysia. 1996. Akta Perancang Bandar 1995 (Akta 538).
- Malaysia. 2001a. Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga –RRJP3 (2001-2010).
- Malaysia. 2001b. Rancangan Malaysia Ke Lapan –RM8 (2001-2005).
- Malaysia. 2002a. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
- Malaysia. 2002b. Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172).
- Masinambow, E. K. M. & Hidayat, Rahayu S. 2001. *Semiotik: Mengkaji tanda dalam artifak*. Jakarta: Balai Pustaka.
- McAlpine, D. & Warriar, G. K. 1992. Evaluating a city/town's potential for future humanistic growth. *Cities*. November : 261-266.
- Mohamed Arif Nun & Jalaluddin Abdul Malek. 1995. *Ciri-ciri bandaraya bistari Pusat Pentadbiran Putrajaya; Konsep dan perlaksanaan*. Kuala Lumpur : Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS).
- Nathesan, S. 2001. *Makna dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nordholt, N. S. & Visser, L. (pnyt.). 1997. *Ilmu sosial di Asia Tenggara, dari partikularisme ke universalisme*. Jakarta: Pustaka LP3ES Indonesia.
- Popper, K. R. 1979. *Objective knowledge: An evolutionary approach*. Oxford: Clarendon Press.
- Ratcliffe, J. 1981. *An introduction to town and country planning*. London: Hutchinson.
- Ratcliffe, Krawczyk & Kelly. 2006. Future-oriented technology analysis and the city: Imagineering sustainable urban development. Second International Seville Seminar on Future-Oriented Technology Analysis (FTA). Seville. September.
- Reevany Bustami, Eleesa Nasruddin & Norman Balikie. 2006. *Lima falsafah penyelidikan: Paradigma dan strategi penyelidikan untuk sains sosial dan pengurusan*. Pulau Pinang: KnowledgeCraftsmen.
- Safi, L. 1998. *Asas-asas ilmu pengetahuan: Satu kajian perbandingan kaedah-kaedah penyelidikan Islam dan Barat* (Terj.). Petaling Jaya, Selangor: The International Institute of Islamic Thought.
- Sartono Kartodirdjo. 1993. *Pendekatan ilmu sosial dalam metodologi sejarah*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Shamsul A. B. 1992. Metodologi penyelidikan sains sosial: Satu pertimbangan kritis. *Setiawacana*. Disember (Bil. 11).
- Shamsul, A. B. 2000. 'Ilmu kolonial' dan pembinaan 'fakta' mengenai Malaysia. Dlm. Rahimah Abd. Aziz & Mohamed Yusoff Ismail (pnyt.). *Masyarakat budaya dan perubahan*, hlm. 189-201. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsul, A. B. 2002. Ilmu kolonial dan pembangunan insan di alam Melayu dan nusantara: Satu komentar kritis. Ucapnama Simposium Kebudayaan

Indonesia-Malaysia Kelapan (SKIM 8). Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universitas Padjadjaran Bandung. 8-10 Oktober, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shields, R. 2003. *The virtual*. London: Routledge.

Shuman, J. , Twombly, J. & Rotternberg, D. 2001. *Collaborative communities: Partnering for profit in the networked economy*. Chicago, US: Dearbon Trade, A Kaplan Professional Com.

Smith, L. T. 1999. *Decolonizing methodologies: Research and Indigenous peoples*. London: Zed Books Ltd.

Soja, E. W. 1989. *Postmodern geographies: The reassertion of space in critical social theory*. Landon: Verso.

Taylor, N. 1998. *Urban planning theory since 1945*. London: Sage.

Tewdwr-Jones, M. 2002. *The planning polity: Planning government and the policy process*. London: Routledge.

Udy, J. 1994. The planner: A comprehensive typology. *Cities*. Vol. 11(1): 25-34.

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekitaran
Universiti Kebangsaan Malaysia
UKM Bangi Selangor
jbam@pkriscc.ukm.my

